



Bangunan PNB dijangka siap Julai 1984

KUALA LUMPUR, Selasa — Bangunan Ibu Pejabat Permodalan Nasional Berhad (PNB) berharga \$162 juta yang sedang dibina di Jalan Pekeliling di sini, dijangka siap pada bulan Julai, 1984.

Projek tersebut, yang dikendalikan oleh Syarikat Pembinaan Shimuz dari Jepun, mengandungi sebuah bangunan menara setinggi 40 tingkat, bangunan sampingan empat tingkat dan tempat letak kereta bawah tanah, juga setinggi empat tingkat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, melawat tapak bangunan tersebut petang ini serta meninjau kerja-kerja memasang rangka besi asas projek itu.

Beliau diiringi oleh Pengerusi PNB, Tun Ismail Ali, pegawai-pegawai kanan PNB dan para pengurus syarikat pembinaan itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu para pemberita, kerja-kerja pembinaan bangunan tersebut terlewat sedikit dari jadual kerana ia dimulakan selepas cuti Tahun Baru Cina, Januari lalu.

Bagaimanapun, katanya, beliau diberitahu kerja-kerja tersebut akan dapat mengikut jadual semula bulan depan.

Menurut Perdana Menteri, kerja-kerja pembinaan Ibu Pejabat PNB itu mengikut satu teknologi baru yang pertama kali diperkenalkan di negara ini iaitu tanpa menggunakan terucuk.

Sebaliknya, pelapis konkrit digunakan diikuti dengan pembinaan bangunan.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menuding jari bertanyakan sesuatu sambil berjalan ke tapak pembinaan projek Ibu pejabat Permodalan Nasional Berhad yang terletak di Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur.

Beliau melawat projek tersebut semalam untuk meninjau kemajuan kerja-kerja pembinaan bangunan Ibu pejabat berharga \$162 juta itu yang dijangka siap Julai, 1984.

Perdana Menteri turut turun kira-kira 18 meter ke dasar tapak projek tersebut yang akan dijadikan tempat letak kereta setinggi empat tingkat.

No. Siri .. 2942 ..
No. Penerimaan .. 687/85 ..